

Ruj. Kami : UPM/PEND/500-3/2/1

Tarikh : 04 September 2015

**JAWATAN KOSONG**  
**(UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)**

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan komitmen yang tinggi dan bercita-cita untuk berkhidmat dalam sebuah Universiti yang sedang menuju ke arah Universiti bertaraf dunia bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

<b>JAWATAN 1 : PEREKA, GRED B41</b>
-------------------------------------

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM1,926.00 – RM8,687.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan
- b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis. (Gaji Permulaan : RM1,926.00) ; atau  
(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,133.30); dan
- c) Kejujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan seni. Bertanggungjawab dalam mencipta rekaan untuk persembahan dan props produksi. Menyelaraskan, merancang, menyediakan reka bentuk bahan-bahan penerbitan dan trofi. Bertanggungjawab memastikan pentas persembahan, persiapan upacara sambutan ketibaan tetamu serta menyelaraskan bahan promosi Universiti.

## **JAWATAN 2 : PEGAWAI VETERINAR, GRED G41**

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM1,915.00 – RM8,651.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau Ijazah dalam Ilmu Perubatan Veterinar atau Sains Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- b) berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian I Jadual Kedua. (Gaji Permulaan : RM2,527.99); dan
- c) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Kriteria Tambahan :**

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Haiwan Besar.

### **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan yang disenaraikan di bawah Jadual II Bahagian II Akta Veterinar 1974 (Akta 147) yang diiktiraf setaraf dengan Ijazah Am oleh kerajaan; dan
- lulus Peperiksaan Khas anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar, UPM dan Majlis Veterinar Malaysia.

### **Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab mengawal penyakit-penyakit haiwan dan rawatannya, memastikan makanan ternakan selamat untuk pengguna, merancang dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan mutu ternakan, menguatkuasakan undang-undang import bahan-bahan ternakan, mengawasi pusat-pusat kuarantin dan membuat laporan mengenai pembangunan dan kemajuan tahunan jabatan dan tugas pentadbiran jabatan yang lain.

### **JAWATAN 3 : JURUTERA, GRED J41**

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM2,360.00 – RM8,743.00**

#### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (**Awam**) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. ( Gaji Permulaan : RM2,360.00 ); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera (Awam) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- mempunyai kelayakan di atas; atau
- lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab merancang dan menyelaras pembangunan sistem pengairan, bekalan air, khidmat kejuruteraan awam, aktiviti peningkatan mutu perkhidmatan kejuruteraan awam, projek-projek khas dan urusan pentadbiran am pejabat.

### **JAWATAN 4 : JURUUKUR BAHAN, GRED J41**

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM2,360.00 – RM8,743.00**

## **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,360.00); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Penolong Juruukur Bahab adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Juruukur bahan Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- mempunyai kelayakan di atas; atau
- lulus Peperiksaan Bahan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab memberi perkhidmatan dalam kerja-kerja pakar ukur bahan di peringkat pra dan pos kontrak, memberikan khidmat nasihat dan runding cara kos pembinaan, menjalankan pembangunan dan penyelidikan berkaitan dasar mengenai tender dan kontrak kerajaan serta memberi khidmat keurusetiaan tender, kontrak dan pelantikan perunding ikhtisas.

<b>JAWATAN 5 : PEGAWAI TADBIR, GRED N41</b>
---

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM1,911.00 – RM8,646.00**

## **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,911.00); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,114.43); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. ( Gaji Permulaan : RM2,216.64). dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tanah (Pemakaian di Semenanjung sahaja), Penghulu dan Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.

### **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab menguruskan perolehan peralatan pejabat agensi-agensi kerajaan, memberi khidmat pakar runding terhadap sistem kerja serta pengurusan kakitangan, membantu urusan pindah milik, gadaian, melepaskan gadaian dan pajakan serta bertanggungjawab ke atas pembahagian pusaka.

<b>JAWATAN 6 : PEGAWAI TADBIR (PENGURUS ASRAMA) , GRED N41</b>
--

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM1,911.00 – RM8,646.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,911.00); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.( Gaji Permulaan : RM2,114.43); dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Kriteria Tambahan :**

Keutamaan diberikan kepada calon yang berpengalaman dalam bidang pengurusan asrama dan hospitaliti.

**Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Penolong Pengurus Asrama) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Tadbir (Pengurus Asrama) Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.

**Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab mengurus dan menyelaraskan pentadbiran am dan kewangan kolej, merancang dan mengendalikan penempatan pelajar, mengawal selia pengurusan inventori kolej, penyelarasan pembangunan pelajar di kolej, memantau dan menguatkuasakan kebersihan makanan dan premis.

**JAWATAN 7 : PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL, GRED N41**

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM1,911.00 – RM8,646.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,114.43); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik Sosial adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Penyelidik Sosial Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.

## **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan, tugas operasi berkaitan pemasaran sosial seperti pengiklanan bagi tujuan pendidikan dan keselamatan jalan raya, penerbitan dan penyebaran ilmu serta menyediakan khidmat profesional dan masyarakat.

## **JAWATAN 8 : PEGAWAI PENYELIDIK, GRED Q41**

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM2,146.00 – RM8,718.00**

## **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,146.00); atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,249.66); atau
  - (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,353.44); atau
  - (iv) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,561.00); atau
  - (v) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,664.78); atau
  - (vi) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji Permulaan : RM2,976.11); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.

### **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelidikan pembangunan (R & D) dalam bidang mikroelektronik dan teknologi maklumat atau dalam bidang berkaitan. Menjalankan penyelidikan asas dan gunaan, khidmat nasihat kepakaran, menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan teknologi berkaitan dalam negara. Melaksanakan kajian dan penyelidikan mengenai jaminan kualiti, penyelidikan serta pemindahan sains dan teknologi dan pembangunan serta latihan, kursus-kursus bagi pengguna-pengguna dalam negara.

<b>JAWATAN 9 : PEGAWAI PERGIGIAN, GRED U41</b>
--

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM2,260.00 – RM8,756.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Ijazah dalam ilmu pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. (Gaji permulaan : RM2,674.20); atau  
(ii) ijazah dalam ilmu pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan dan telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia berdasarkan Seksyen 12(3) Akta Pergigian 1971. (Gaji Permulaan : RM2,674.20); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat melalui rawatan dan aktiviti pencegahan kesihatan pergigian.



**JAWATAN 10 : PEGAWAI KEWANGAN, GRED W41**

**Kumpulan : Pengurusan dan Profesional**

**Jadual Gaji : RM1,925.00 – RM8,685.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,925.00); atau
  - (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,131.73); atau
  - (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM2,650.63); atau
  - (iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan : RM2,650.63); atau
  - (v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan : RM2,754.41); atau
- b) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia. (Gaji permulaan : RM2,858.19); dan
- c) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.

## **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab menyelaras dan menyelenggara fungsi-fungsi mengenai urusan pembayaran gaji, elaun kerja lebih masa dan tuntutan panjar wang runcit pegawai/kakitangan. Bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti kewangan agensi serta terlibat dalam penggubalan dasar kewangan, pelaburan, pengurusan kewangan, perakaunan dan perancangan keseluruhan bagi setiap proses kerja kewangan iaitu menguruskan perolehan dan pembayaran, mengawal peruntukan, meluluskan pemindahan imbuhan, meluluskan permohonan perbelanjaan, mengurus, mengawal dan memantau pelaburan, mengawal dan memantau pengeluaran cek dan panjar wang runcit, memantau pertanyaan audit dan mengawal harta dan inventori pejabat. Juga bertanggungjawab menyelaras pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Aliran Tunai serta menyelia dan mengaplikasi Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan Akta-Akta yang sedang berkuat kuasa dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun.

## **JAWATAN 11 : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT, GRED F29**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,746.00 – RM5,104.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,746.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,820.89); dan
- b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Peningkatan Secara Lantikan (PSL):**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas.

## **Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab dalam membangun program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, mengembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, menyelenggara sistem dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

<b>JAWATAN 12 : PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA, GRED JA29</b>
--

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,418.00 – RM5,121.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,418.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,826.02). dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Kriteria Tambahan :**

Keutamaan diberikan kepada calon dalam bidang Awam dan Mekanikal.

### **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saluran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

**JAWATAN 13 : PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENIBINA,  
GRED JA29**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,418.00 – RM5,121.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,418.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,826.02); dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan bagi skop kerja seni bina termasuk melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan study model, menyediakan reka bentuk, menyedia lakaran reka bentuk, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding, memantau maklum balas penilaian teknikal, melaksanakan audit kualiti (reka bentuk)/audit seni bina pembinaan dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan tugas-tugas berkaitan aspek reka bentuk dan seni bina. Bertanggungjawab ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan, Permohonan Pelan Susun Atur, Permohonan Kelulusan Landskap, Permohonan Pemasangan Papan Tanda Bangunan Komersial dan Bangunan Pejabat Kerajaan. Menyelaraskan pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF), Permohonan Ubahsuai Bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan-bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan-bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

**JAWATAN 14 : PENOLONG JURUUKUR BAHAN, GRED JA29**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,418.00 – RM 5,121.00**

## **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,418.00); atau
- b) diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,826.02); dan
- c) Keupujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab memberi perkhidmatan dalam kerja-kerja pakar ukur bahan di peringkat pra dan pos kontrak, memberikan khidmat nasihat dan runding cara kos pembinaan, menjalankan pembangunan dan penyelidikan berkaitan dasar mengenai tender dan kontrak kerajaan serta memberi khidmat keurusetiaan tender, kontrak dan pelantikan perunding ikhtisas.

<b>JAWATAN 15 : JURU X-RAY, GRED U29</b>
--

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,312.00 – RM5,173.00**

## **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Diploma Radiografi atau Radioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,687.59); atau
- b) diploma daripada Society of Radiographer United Kingdom yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM1,687.59); dan
- c) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab menghasilkan imej perubatan untuk membantu pakar dan Pegawai Perubatan dalam mendiagnos penyakit, menilai imej dan radiografi yang dihasilkan, menguruskan hal-hal berkaitan permohonan pemeriksaan radiografi, bertanggungjawab terhadap penjagaan dan kawalan mutu peralatan yang digunakan serta tugas-tugas perancangan, pengurusan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan Juru X-Ray.

<b>JAWATAN 16 : JURURAWAT PERGIGIAN, GRED U29</b>
---

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,312.00 – RM5,173.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Diploma Kejururawatan Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,687.59); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas.

### **Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan pergigian dari segi diagnosis, rawatan, pencegahan dan peningkatan kesihatan untuk kanak-kanak berumur 17 tahun ke bawah dengan memberi tumpuan kepada kanak-kanak pra-sekolah, murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Bertanggungjawab memberi perkhidmatan pergigian yang spesifik untuk mencapai matlamat supaya masyarakat mempunyai kesihatan mulut yang optimum.

**JAWATAN 17 : PEREKA, GRED B27**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,368.00 – RM5,099.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan
- b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis. (Gaji Permulaan: RM1,368.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji Permulaan: RM1,368.00); atau
- (iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,668.78); dan
- (iv) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Ringkasan Tugas**

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen universiti dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan seni. Bertanggungjawab dalam mencipta rekaan untuk persembahan dan props produksi. Menyelaraskan, merancang, menyediakan reka bentuk bahan-bahan penerbitan dan trofi. Bertanggungjawab memastikan pentas persembahan, persiapan upacara sambutan ketibaan tetamu serta menyelaraskan bahan promosi university ke negeri-negeri, di majalah, radio dan sidang media.

**JAWATAN 18 : PENOLONG PEGAWAI SAINS, GRED C27**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,374.00 – RM5,116.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains. (Gaji permulaan : RM1,374.00); atau
  - (ii) diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,374.00); atau
  - (iii) diploma dalam teknologi makmal yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,673.91); atau
  - (iv) diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,749.12); dan
- b) Lulus dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Kriteria Tambahan :**

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengkhususan dalam bidang sains.

**Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pambantu Makmal adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.



**Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab membantu Pegawai Penyelidik melaksanakan kerja-kerja penyelidikan sains dan teknologi nuklear, merancang, menyelaraskan dan mengurus operasi penyelenggaraan makmal, mengurus aktiviti berkaitan penyelenggaraan berkala, peralatan saintifik, membantu aktiviti perhubungan awam berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan penggunaan teknologi nuklear serta membantu mengendalikan aktiviti-aktiviti makmal terutama dalam perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) makmal.

**JAWATAN 19 : PENOLONG PEMELIHARA HUTAN, GRED G27**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,363.00 – RM5,094.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji Permulaan: RM1,101.34); atau
- b) diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G27: RM1,738.86); dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Peningkatan secara lantikan (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti di atas atau lulus Peperiksaan Khas.

**Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab membantu Pegawai Hutan dalam melaksanakan tugas berkaitan aktiviti-aktiviti perhutanan berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara sistematik sejajar dengan peraturan dan dasar universiti.

**JAWATAN 20 : PENOLONG PEGAWAI VETERINAR, GRED G27**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,363.00 – RM5,094.00**

**SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G27**

- a) (i) Sijil Veterinar daripada Institut Veterinar Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan : RM1,363.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,814.06); dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Ringkasan Tugas:**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan haiwan, kesihatan haiwan, kesuburan haiwan dan penguatkuasaan undang-undang veterinar di peringkat Kumpulan Pelaksana, melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan di pusat kuarantin haiwan, ante-mortem dan post-mortem di abattoir dan loji pemprosesan, memberi khidmat nasihat ternakan, pengumpulan data haiwan dan penyediaan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan yang ditentukan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 21 : PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N27**

**Kumpulan : Pelaksana**

**Jadual Gaji : RM1,362.00 – RM5,092.00**

## **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan : RM1,362.00); atau
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan : RM1,362.00); atau
  - (iii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,661.95);
  - (iv) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,737.15); dan
- b) Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**

